

# Kursus Asas AMOS penting untuk pensyarah UMS-KAL

**S**ERAMAI 50 pensyarah menyertai Kursus Asas AMOS : Pengenalan dan Aplikasi Dalam Penyelidikan Sains Sosial di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 11, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 24 – 27 Mei 2010.

Pengerusi penganjur, Dr Stephen L Sondoh Jr berkata kursus empat hari itu bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada kaedah penyelidikan dengan menggunakan perisian AMOS kepada pensyarah dan pelajar pascasiswazah.

Katanya, kursus itu adalah sejajar dengan halatuju Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon untuk menjadikan UMS sebagai salah sebuah universiti berasaskan penyelidikan di negara ini.

Beliau berkata kursus anjuran Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, (SPKAL) dengan kerjasama Seksyen Latihan, Jabatan Pendaftar UMS itu akan dikendalikan oleh pakar AMOS dari Universitas Diponegoro, Indonesia, Fuad.

Dr Stephen berkata

objektif kursus itu ialah memberi pengenalan kepada peserta mengenai aplikasi Structural Equation Modelling (SIEM) dengan menggunakan AMOS.

Kedua, memberi pendedahan awal tentang penggunaan dan kaedah menganalisis data secara mudah dan tepat, ketiga memberi tunjuk ajar kaedah dan cara membaca serta mentafsir output AMOS.

“Kursus itu memberi kemahiran penulisan secara saintifik dalam penyediaan laporan, artikel, tesis, latihan ilmiah dan laporan penyelidikan,” katanya.



ALBUM ... Fuad (tiga dari kiri) dan Dr Stephen (empat kanan) bersama peserta Kursus Asas AMOS di UMS-KAL.